

# Sejak jadi pengantin baru saya selalu diusik - PM

MOSCOW 19 Jun - "Sejak menjadi pengantin baru, saya selalu diusik," itulah antara kata-kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika majlis meraikan beliau anjuran Kedutaan Malaysia di sini malam tadi.

Dalam nada gurauan, Perdana Menteri berkata, sejak berkahwin dengan Datin Seri Jeanne Abdullah pada 9 Jun lalu, mereka terpaksa berhadapan dengan keadaan itu.

"Saya ingatkan perkahwinan kali kedua kurang diusik tetapi lagi teruk," katanya

disambut dengan ketawa para hadirin pada majlis itu.

Sambil tersenyum Abdullah menambah: "Tetapi saya tiada masalah dengan semua itu."

Dalam ucapan ringkasnya, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas ucapan tahniah atas perkahwinannya oleh rakyat dan semua pihak termasuk pada majlis tersebut.

Terdahulu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar turut 'mengusik' Abdul-

lah dengan menyatakan perkahwinan itu adalah sesuatu yang bersejarah kerana ia melibatkan seorang Perdana Menteri.

Abdullah dan Jeanne kelihatan ceria sepanjang majlis itu. Pasangan tersebut turut menerima bertalu-talu ucapan tahniah dan selamat pengantin baru ketika beramah mesra dengan hampir 200 rakyat Malaysia yang hadir termasuk kakitangan kedutaan.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Jamaludin Jarjis; Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Ma-

idin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman, para diplomat serta tokoh-tokoh perniagaan yang menyertai delegasi lawatan Perdana Menteri.

Pada majlis itu juga, Abdullah dan isteri dihadiahkan kek yang disediakan oleh Duta Malaysia ke Rusia, Datuk Mohamad Khalis Hassan dan isteri Datin Saripah Mohd. Jaafar.